

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor (KUIS) Bandar Seri Putra, 43000  
Kajang Selangor  
2022, VOL 5, Bil 2, Halaman 34-40

## Pengukuhan Hafazan Al-Quran: Cabaran & Penyelesaian

### *Al-Quran Memorization Enhancement: Challenges and Solution*

**\*Muhammad Syafee Salihin Hasan<sup>1</sup>, Mohd Izzuddin Mohd Pisol<sup>2</sup>, Mardhiah Yahaya<sup>3</sup>,  
Muhammad Hafizan Abd Hamid<sup>4</sup>, Zur'ain Harun<sup>5</sup>**

1. Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mrsyafee@kuis.edu.my
2. Jabatan Asas Kemanusiaan dan Perkaedahan, Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mohdizzuddin@kuis.edu.my
3. Jabatan Pendidikan (Pendidikan Islam), Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, mardhiah@usim.edu.my
4. Unit Tahfiz Pusat Islam, Universiti Tenaga Nasional, [MHafizan@uniten.edu.my](mailto:MHafizan@uniten.edu.my)
5. Jabatan Asas Kemanusiaan dan Perkaedahan, Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, zurain@kuis.edu.my

\* Penulis Penghubung: Muhammad Syafee Salihin, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mrsyafee@kuis.edu.my

#### ABSTRACT

*Al-Quran is indeed a remarkable miracle given to the Prophet Muhammad (s.a.w). The Quran was incrementally revealed over twenty-three years. The sahabah started to memorize and write down the Wahy on palm stalks and other external aids to mark the preludes to the codification and preservation of the Quran. Today, the development contributes to helping the students in educational institutions to memorize the Quran regardless of any educational background. To date, there are many talented huffaz able to memorize the Surah, however, they are incapable to memorize the whole Quran. Hence, this study aims to suggest several methods for memorization and repetition of memorization. The memorization technique requires high commitment, continuous effort and enormous responsibility especially involving the process of memorizing the Quran memorization by students. This study employs literature analysis based on previous researches which are written in academic researches and journals. The findings of this study will guide the huffaz to maintain al-Quran memorization.*

*Keywords: Memorization Enhancement, Al-Quran, challenge, solutions*



## ABSTRAK

Al-Quran merupakan mukjizat terbesar Nabi Muhammad s.a.w. Penurunan al-Quran telah berlangsung selama 23 tahun secara berperingkat-peringkat. Para sahabat Rasulullah s.a.w telah menjalankan aktiviti penulisan wahyu al-Quran di pelepah tamar dan pelbagai bahan lain menandakan permulaan era penjagaan dan pengumpulan al-Quran. Perkembangan tersebut telah membantu institusi pendidikan kini dalam memelihara al-Quran melalui hafazan oleh para hafiz al-Quran di semua peringkat pendidikan. Namun begitu, ramai para huffaz yang dapat menghafaz tetapi tidak mampu mengingat keseluruhan al-Quran. Justeru itu, objektif kajian ini akan mencadangkan beberapa kaedah hafazan dan pengulangan hafazan. Namun begitu, kaedah hafazan ini menuntut komitmen yang tinggi, usaha yang berterusan serta tanggungjawab yang berat terutama melibatkan proses ingatan hafazan al-Quran oleh pelajar. Metodologi kajian ini adalah menggunakan analisis kajian perpustakaan berdasarkan pembacaan kajian-kajian terdahulu yang telah ditulis sama ada di dalam buku ilmiah dan jurnal ilmiah. Hasil kajian ini dapat memberikan panduan kepada para huffaz al-Quran untuk mengekalkan ingatan terhadap al-Quran yang telah dihafaz.

*Kata kunci: Pengukuhan Hafazan, al-Quran, Cabaran, Penyelesaian*

## 1.0 PENDAHULUAN

Pertumbuhan institusi atau pusat tahfiz al-Quran yang semakin bertambah dari semasa ke semasa telah membuktikan bahawa masyarakat Islam di Malaysia pada hari ini begitu mementingkan pendidikan tahfiz. Proses penghafazan al-Quran bukan suatu yang mudah, bahkan perlu kepada pengorbanan yang besar daripada setiap penghafaznya. Proses ini menuntut komitmen yang tinggi, usaha yang berterusan serta tanggungjawab yang berat terutama melibatkan proses penjagaan hafazan al-Quran bagi pelajar yang telah tamat menghafaz al-Quran. Khairul Anuar Mohamad (2016) menjelaskan bahawa penghafaz al-Quran perlu faham sifat dan keadaan hafazan yang dimiliki bukan selamanya terlekat dalam ingatan. Hafazan memerlukan kepada proses yang khusus bagi meningkatkan daya ingatan kepada al-Quran.

Hadis Rasulullah s.a.w :

تَعَاهَدُوا هَذَا الْقُرْآنَ، فَوَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ هُوَ أَشَدُّ تَقَلُّبًا مِنَ الْإِبِلِ فِي عُقْلِهَا

Maksudnya: Selalulah kamu membaca dan mengulangi al-Quran, demi jiwaku dalam genggamannya, sesungguhnya al-Quran sangat cepat hilang dari ingatan berbanding terlepasnya seekor unta liar dari ikatannya.

Berdasarkan hadis di atas, dapat difahami bahawa kepentingan penjagaan hafazan al-Quran sangat dituntut kepada semua penghafaz al-Quran dan proses penjagaan al-Quran perlu dilakukan secara berterusan agar kualiti hafazan al-Quran akan terus kekal dalam ingatan kerana al-Quran tersangat mudah untuk dilupakan. Anisa Ida Khusniya (2014) menjelaskan bahawa para pelajar tahfiz mestilah mengetahui kaedah atau teknik memelihara al-Quran yang bersistematik dan berkesan. Kaedah tersebut boleh digunakan samada ketika menghafaz al-Quran atau mengulang al-Quran. Antara kaedah untuk memelihara yang boleh diaplikasikan oleh pelajar tahfiz ialah kaedah muraja'ah al-Quran. Kaedah muraja'ah al-Quran yang bermaksud mengulangi ayat al-Quran yang telah dihafaz samada mengulang dengan sendiri atau bersama guru atau bersama pelajar tahfiz yang lain. Kaedah ini secara tidak langsung akan membantu pelajar tahfiz mengingat hafazan al-Quran yang telah dihafaz dan meningkatkan kualiti hafazannya.

Azmil Hashim (2014) dalam kajiannya yang bertajuk "Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar" mendapati pencapaian pelajar tahfiz masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar. Perkara ini dibuktikan melalui dapatan ujian syafawi yang jelas menunjukkan bahawa pencapaian pelajar terhadap kelancaran hafazan al-Quran masih lemah. Menurut kajian Azmil Hashim (2014) lagi iaitu kajian yang bertajuk "Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Qur'an Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu" terhadap 11 buah maahad dan institusi tahfiz yang melaksanakan kurikulum tahfiz Darul Quran, Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyatakan



peratus penggunaan kaedah tkrar pada ayat yang susah sebanyak 79.9%, manakala peratus penggunaan kaedah tkrar ayat sehingga hafaz sebanyak 74.3%. Kajiannya menunjukkan pelajar tahfiz lebih cenderung kepada kaedah tkrar pada ayat yang susah untuk mengukuhkan hafazan. Kaedah tkrar juga merupakan kaedah mengulangi ayat yang dihafaz berkali-kali sehingga kukuh daya ingatan terhadap ayat tersebut.

Menurut Fatahurrahman Mohd Hafid (2005), pencapaian yang lemah dalam hafazan al-Quran adalah berpunca daripada faktor pelajar tidak mengetahui kaedah yang sistematik dalam memelihara hafazan al-Quran. Sehubungan itu, proses muraja'ah sangat penting dan perlu diberi penekanan dalam kalangan pelajar tahfiz. Kajian yang dijalankan oleh Nor Musliza Mustafa et. al (2018) berkaitan kemampuan menghafaz ayat al-Quran dengan lancar ini mempunyai isu pencapaian pelajar kurang memuaskan disebabkan kekurangan penggunaan teknik mengingat yang baik. Penyelidik menggunakan teknik kecenderungan gaya pembelajaran VARK pelajar. Tinjauan awal menggunakan temubual dan pemerhatian di dalam kelas bagi mengenalpasti perbezaan kaedah hafazan al-Quran perkata dalam kalangan pelajar. Kajian ini mencadangkan aktiviti gaya pembelajaran VARK dapat membantu dalam memaksimumkan penggunaan pelbagai deria seperti mata, telinga dan tubuh badan. Hal ini kerana pemerhatian yang dilakukan mendapati elemen visual dapat dilakukan melalui aktiviti melukis gambar tentang ayat hafazan, melukis peta minda dan melukis gambar berdasarkan ayat hafazan. Selain itu, elemen auditori iaitu aktiviti mendengar bacaan guru, rakan dan bacaan sendiri sama ada secara kuat atau perlahan boleh dilaksanakan oleh pelajar. Elemen reading (pembacaan) boleh dilakukan melalui aktiviti bacaan secara bersendirian dan bersama dengan pelajar lain. Pelbagai gaya dan elemen kinestetik dilakukan oleh penghafaz al-Quran seperti menggerakkan pen dan tangan, menunjukkan dengan jari bacaan ayat, menulis semula ayat al-Quran, menanda ayat panjang kepada beberapa bahagian kecil dan membuka dan menutup ayat secara berselang seli.

Menurut Azmil Hashim et. al (2014) yang menjalankan kajian berkaitan kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar menunjukkan sederhana tinggi dalam aktiviti mencari makna kalimah ayat, aktiviti talaqqi dan musyafahah. Selain itu, dapatan sederhana rendah juga menunjukkan aktiviti mencari pengajaran ayat, mendengar bacaan contoh, aktiviti tadarus al-Quran bagi mengukuhkan hafazan, melakukan tadarus dalam rmentashihkan hafazan, menggunakan kaedah penulisan bagi ayat yang susah, menggunakan kaedah penulisan bagi ayat yang tidak diingat, mencari asbab nuzul yang yang dihafaz dan membaca ayat al-Quran di hadapan pensyarah sebelum menghafaz. Tambahan itu, dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan sederhana antara kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran dengan tahap pencapaian hafazan al-Quran. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran tahfiz perlu dipraktikkan dalam mencapai mutu hafazan pelajar.

Penemuan ini, mengukuhkan dapatan bahawa proses penjagaan al-Quran perlu kepada proses pengukuhan muraja'ah yang bersistematik kerana sifat al-Quran itu mudah dilupai. Justeru kajian ini berpotensi sebagai satu panduan kepada pelajar tahfiz dalam usaha mengukuhkan kualiti hafazan al-Quran sepanjang hayat mereka.

## 2.0 CABARAN PENGUKUHAN HAFAZAN AL-QURAN

### 2.1 Tiada Kaedah Sistematik Mengulang

Proses mengekalkan hafazan lebih sukar dan mencabar berbanding proses menghafaz. Oleh kerana ayat hafazan yang dihafaz sangat mudah dilupai maka perlu kepada kaedah muraja'ah yang bersistematik bagi meneruskan kelangsungan proses muraja'ah berlaku. Setiap penghafaz al-Quran perlu membuat jadual khas mengulang al-Quran samada berbentuk harian atau mingguan berdasarkan jumlah hafazan yang dihafaz.

### 2.2 Kekangan Masa

Nor Musliza et. al. (2018) menjelaskan kaedah tasmik yang dilaksanakan kepada setiap pelajar adalah antara 15-20 minit setiap kali pertemuan tidak mencukupi dan memerlukan kepada aktiviti sokongan secara sendiri. Menurutny lagi, faktor penjadualan pembelajaran yang terhad hendaklah dimantapkan dengan sokongan penggunaan bahan pembelajaran yang bersesuaian (Nor Musliza et. al. 2018).



### 2.3 Hafazan dengan tidak Memahami Makna Ayat.

Kaedah menghafaz bersama terjemahan ayat al-Quran dapat meningkatkan kelancaran dalam mengingat al-Quran yang telah dihafaz. Hal ini kerana, para pelajar telah menguasai kisah-kisah yang terdapat dalam ayat al-Quran yang dihafaz melalui kefahaman terhadap ayat dan terjemahan al-Quran yang telah diingati.

### 2.4 Ketidakesesuaian Masa Menghafaz

Amalan memantapkan hafazan al-Quran ini perlu melihatkan kesesuaian dan kesediaan penghafaz al-Quran. Amalan kebiasaan adalah penggunaan waktu sebelum dan selepas subuh. Waktu ini sesuai digunakan untuk menghafaz al-Quran disebabkan suasana pagi yang tidak disibukkan dengan pelbagai aktiviti dan kurang interaksi antara manusia. Manakala aktiviti pengulangan hafazan boleh dilaksanakan di sebelah petang selepas solat asar dan waktu lapang. Selain itu, penggunaan selepas waktu maghrib boleh digunakan untuk menghafaz ayat baharu atau mengingat hafazan yang ingin ditasmik pada keesokkannya. Terdapat juga peruntukan masa yang disediakan untuk menulis semula ayat al-Quran yang telah dihafaz di dalam buku penulisan hafazan. Aktiviti penghafazan al-Quran ini tidaklah semudah yang dicadangkan, namun pelajar boleh menentukan kesesuaian dan keadaan yang boleh digunakan agar hafazan al-Quran sentiasa konsisten. Menurut Murihah et. al. (2016), penggunaan waktu malam digunakan oleh ulama seperti Imam Nawawi berdasarkan kesesuaian waktu malam kerana waktu yang tenang dan tidak sibuk serta tiada urusan yang perlu disegerakan.

### 2.5 Menghafaz bertujuan Melepasi Sukatan.

Kaedah *muraja'ah* amatlah penting semasa proses hafazan dilakukan. Pengulangan ayat hafazan yang berulang kali sehingga mencapai 10 kali mampu meningkatkan ingatan hafazan. Sebagai contoh, para pelajar mesti dapat menghafaz ayat satu dengan lancar dengan diulangi bacaan hafazan ayat satu sebanyak 10 kali. Selepas itu, para pelajar hendaklah menggunakan kaedah yang sama untuk ayat seterusnya. Konsepnya adalah bacaan hafazan al-Quran bermula ayat satu diulang semula secara sistematik sehingga mencapai ayat yang seterusnya secara berperingkat dan memerlukan kesabaran dan fokus terhadap kaedah ulangan ini (Nor Musliza et. al. 2018).

## 3.0 CADANGAN PENGUKUHAN HAFAZAN

### 3.1 Penyediaan Garis Panduan Hafazan al-Quran dan Pengulangan Hafazan al-Quran

Pihak institusi tahfiz hendaklah menyediakan garis panduan hafazan yang perlu dipatuhi oleh pelajar. Hal ini bertujuan agar pembelajaran hafazan al-Quran sentiasa dipelihara sepanjang pengajian. Penyertaan dalam kelas tasmik yang ditentukan contoh setiap Isnin hingga Rabu bersama tenaga pengajar dan Khamis dan Jumaat adalah pembelajaran sendiri hendaklah dilaksanakan bermula jam 8 pagi hingga 10.00 pagi. Penjadualan kuliah yang lain dilaksanakan selepas jam 10.00 pagi agar masa dapat diperuntukan bagi pelajar untuk mengulang al-Quran. Selain itu, penjadualan masa sendiri pelajar contohnya hari Sabtu dan Ahad diperuntukkan untuk mengulang hafazan al-Quran. Selain itu, penentuan jumlah muka surat yang hendak dihantar kepada tenaga pengajar hendaklah ditentukan, contohnya setiap pertemuan tiga muka surat atau lebih.

### 3.2 Bekalkan Jadual Tasmik dan Jadual Muraja'ah

Melalui jadual tasmik dan jadual i'adah, para pelajar dapat menentukan target yang ingin dicapai berdasarkan kemampuan masing-masing. Para pelajar hendaklah mengenalpasti kelemahan yang dihadapi, jumlah surah dan juzuk yang menghadapi masalah bagi memudahkan proses penstrukturan hafazan al-Quran (Khairul Anuar, 2016).

### 3.3 Menyeneraikan Ayat Tidak Lancar



Para pelajar yang menghafaz al-Quran hendaklah berinisiatif menyenaraikan ayat-ayat hafazan yang kurang lancar secara terperinci seperti nama surah, juzuk dan nombor ayat agar perhatian dapat diberikan sepanjang tempoh pembelajaran. Catatan tersebut dapat dijadikan panduan dalam melaksanakan aktiviti ulangan dan pengukuhan bacaan al-Quran agar dapat dimantapkan secara berkala.

### 3.4 Peruntukan Masa Mengulang Al-Quran

Setiap pelajar yang telah atau sedang menghafaz al-Quran hendaklah mempunyai peruntukan masa yang disediakan untuk mengulangi al-Quran yang telah dihafaz. Menurut Muriyah Abdullah et. al. (2015), pelaksanaan aktiviti tasmik di peringkat sekolah dikawal dan diberikan perhatian oleh guru tasmik yang telah dipertanggungjawabkan. Namun begitu, di peringkat pengajian tinggi, pelajar melaksanakan tasmik bergantung kepada disiplin dan latihan sendiri sebagai asas dalam aktiviti pengulangan al-Quran.

### 3.5 Persekitaran dan Suasana

Persekitaran yang kondusif memberikan perkembangan yang baik daripada aspek motivasi dalam menunjukkan sikap yang optimis dan sentiasa positif dalam mengekalkan hafazan sebagai huffaz. Persekitaran diri amatlah penting dalam membantu melaksanakan aktiviti murajaah al-Quran. Selain itu, pemilihan persekitaran yang kondusif mampu memberikan ketenangan ketika melakukan murajaah.

Kebanyakan institusi tahfiz menjadikan masjid sebagai ruang pembelajaran dan penghafazan al-Quran. Hal ini disebabkan suasana masjid yang dikelilingi oleh pelajar yang membaca dan menghafaz al-Quran. Selain itu, masjid merupakan tempat yang mulia dan mempunyai keberkatan yang tidak mampu ditandingi. Terdapat juga, masjid yang mempunyai ruang kuliah dan bilik seminar yang dijadikan tempat hafazan dan tasmik. Masjid mempunyai keluasan yang besar mampu mewujudkan puluhan halaqah tasmik setiap hari.

### 3.6 Penggunaan Mashaf

Penggunaan mushaf al-Quran dan tafsir al-Quran terjemahan per kata yang sama adalah penting dalam membantu para penghafaz al-Quran mengingati kedudukan ayat al-Quran yang telah dihafaz. Selain itu, penggunaan satu mashaf semasa menghafaz dapat membantu dalam mengukuhkan ingatan semasa proses pengulangan dan pembacaan al-Quran

### 3.7 Penggunaan Alat Bantu/ Bahan Bantu Menghafaz

Dengan kemudahan teknologi hari ini, penggunaan audio seperti MP3 yang khusus dapat membantu dalam menguatkan ingatan para pelajar untuk menghafaz al-Quran. Penggunaan alat MP3 al-Quran dapat membantu dalam melakukan hafazan melalui teknik mendengar bacaan al-Quran sehingga mampu menghafaz ayat tersebut. Proses mendengar audio ini memerlukan pengulangan yang berterusan

Selain itu Penggunaan papan rehal dan alatan penunjuk yang sesuai dapat memberikan keselesaan kepada para pelajar yang menghafaz al-Quran dan alatan penunjuk kedudukan hafazan dapat membantu para pelajar fokus kepada kedudukan bacaan dan ayat al-Quran yang ingin dihafaz.

### 3.8 Sentiasa Memperkukuhkan Hafazan yang Kurang Lancar

Manusia diciptakan mempunyai akal yang waras dan mempunyai sistem otak yang berfungsi sebagai ingatan jangka pendek dan jangka panjang. Ingatan jangka panjang perlu melalui proses ingatan dan pengulangan agar ingatan tersebut kekal lebih lama. Selain itu, manusia juga mempunyai keistimewaan ingatan jangka pendek yang mampu mengingati maklumat dalam tempoh yang baharu dan dekat. Sekiranya ingatan jangka pendek ini ingin dikekalkan



maka dengan proses pengulangan dapat meningkatkan ingatan tersebut agar menjadi ingatan jangka panjang dan mengelakkan daripada berlakunya keusangan ingatan.

Selain itu, otak manusia diciptakan mempunyai tiga bahagian otak yang mempunyai peranan tersendiri iaitu kedudukan di belakang, di tengah dan di hadapan. Secara teorinya, pelajar boleh memanfaatkan melalui hafazan ayat baharu, mengukuhkan dan mengingat kembali hafazan lama dan hafazan paling lama agar tidak dilupai dan tidak lancar.

### 3.9 Hafazan Al-Quran Melalui Pembelajaran Kendiri

Teknik tasmik bersama rakan dapat membantu dalam membaca semula ayat al-Quran yang telah dihafaz melalui semakan rakan (Nor Musliza et. al. 2018). Hal ini dapat meningkatkan keyakinan pelajar sebelum melakukan tasmik di hadapan guru dan pelajar dapat mengenal pasti terlebih dahulu ayat-ayat al-Quran yang tidak lancar hafazannya agar boleh diperbaiki sebelum melakukan aktiviti tasmik di hadapan guru. Perasaan takut, gemuruh dan tidak yakin dapat dikurangkan melalui aktiviti tasmik bersama rakan ini.

### 3.9 Penulisan Hafazan Al-Quran

Teknik menulis semula ayat al-Quran yang telah dihafaz mampu meningkatkan ingatan terhadap hafazan al-Quran. Namun, teknik tersebut memerlukan pelajar untuk menyemak kesalahan tulisan hafazan berdasarkan mushaf al-Quran yang digunakan.

### 3.10 Peranan Guru

Kebanyakan pelajar tahfiz yang mempelajari dan menghafaz al-Quran ini tinggal di asrama, begitu juga yang mengambil kursus tahfiz al-Quran sama ada di peringkat pendidikan menengah dan pendidikan tinggi. Para pelajar menghabiskan tempoh masa seharian adalah bersama rakan dan para guru serta pensyarah mereka. Oleh itu, bimbingan daripada para guru dan pensyarah amatlah penting dalam memastikan para pelajar berada pada landasan yang betul.

## KESIMPULAN

Pembelajaran tahfiz al-Quran di Malaysia telah berkembang sama ada di peringkat institusi pendidikan rendah, menengah dan pengajian tinggi samada melalui pihak NGO, swasta atau kerajaan. Keadaan ini jelas menunjukkan terdapat peningkatan pada jumlah penghafaz al-Quran di Malaysia. Namun begitu, persoalan yang perlu dijelaskan adalah sejauhmana tahap keupayaan pelajar dalam mengingat hafazan al-Quran. Para penghafaz al-Quran memerlukan sokongan daripada ibubapa dan penjaga, para guru dan rakan sekelas bagi membantu memperkukuh hafazan al-Quran. Selain itu, ingatan terhadap hafazan al-Quran semasa proses pembelajaran penting kerana kekangan pelbagai faktor semasa alam pekerjaan menyebabkan hafazan yang lemah tidak mampu dipertingkatkan ingatannya. Mengabaikan tanggungjawab dalam muraja'ah al-Quran akan memberi implikasi negatif terhadap kualiti hafazan al-Quran. Setiap penghafaz perlu sedar bahawa ayat yang dihafaznya tidak akan terus kekal melainkan dengan sentiasa muraja'ah. Oleh itu, menjadi kewajipan bagi setiap pelajar mengulang al-Quran agar setiap ayat yang dihafaz akan terus mekar dan segar dalam ingatan sehingga akhir hayat.

## RUJUKAN

- Nor Musliza Mustafa, Zulkifly Mohd Zaki, Khairul Anuar Mohamad, Mokmin Basri & Sedek Ariffin. 2018. Kaedah Hafazan al-Quran Berasaskan Kecenderungan Gaya VARK.
- Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari, Sahih Bukhari, 1400 hijrah, al-Qaherah, Maktabah al-Salafiyah.
- Azmil Hashim, Ab.Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. 2014. Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungan Dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*, 1, 9-16.



- Fatahurrahman Mohd Hafid (2005) Tahap Kualiti Hafazan Al-Quran An Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya: Satu Kajian Ke Atas Pelajar Semester Enam Darul Quran. Projek Penyelidikan Darul Quran.
- Anisa Ida Khusniyah. 2014. Menghafaz Al-Quran dengan Metode Muraja'ah: Studi Kasus di Rumah Tahfidz Al-Ikhlash, Karangrejo Tulungagung. Jurusan Pendidikan Agama Islam, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali, Mohd Aderi Che Noh. 2014. Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya Dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. e-ISSN: 2289-6171. Journal of al-Quran and Tarbiyyah. Vol 1 2014: 9-14.
- Fatimah Zaharah Ismail, Nor Hafizi Yusof, Ahmad Farimin Ahmad Osman, Rahimah Embong, Najmiah Omar, Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil, Mariam Nabilah Mohd Noor, Mohd A' Tarahim Mohd Razali & Rosmalizawati Abd. 2020. Strategi Murajaah al-Quran bagi Huffaz di Peringkat Tertiar. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences. Volume 3, Issues 4
- Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arief Sallih Rosman & Mohd Faez Ilias. 2015. Garis Panduan bagi Hafiz al-Quran Menurut Pandangan Imam al-Nawawi. International Seminar On Education and Social Entrepreneurship.
- Khairul Anuar Mohamad (2016). Sistem Kawalan Kualiti Huffaz, Memperkasa Generasi Al-Quran, Kuala Kuala Lumpur: Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia & Centre of Quranic Research, University of Malaya.
- Hussin, H., Abd. Ghani, A. R., Ahmad, A. R., Saleh, M. H., & Haridi, N. H. (2022). Dimensi Pelajar Terhadap Penggunaan Medium Teknologi Dalam Kursus Hafazan Al-Quran Semasa Covid-19: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 5(1), 27–36. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v5i1.45>